

D.R. 10/2016

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Pengarah” takrif yang berikut:

‘ “Pengerusi Majlis Perbandaran” ertinya Pengerusi sesuatu Majlis Perbandaran yang disebut dalam seksyen 2 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 [*Sabah No. 11 tahun 1991*] dan subseksyen 2(1) Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 [*Sarawak Bab 20*] dan termasuklah Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran itu;’;

(b) dalam takrif “warden lalu lintas”—

(i) dengan menggantikan perkataan “atau Perbadanan Putrajaya” dengan perkataan “, Perbadanan Putrajaya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran”; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah; dan

(c) dengan memasukkan selepas takrif “warden lalu lintas” takrif yang berikut:

“Yang Dipertua Majlis Perbandaran” ertinya Presiden sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].’.

Pindaan seksyen 3

3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “beberapa” dengan perkataan “sekian bilangan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4A) subseksyen yang berikut:

“(4B) Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran boleh melantik sekian bilangan orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini untuk menjadi warden lalu lintas dan boleh, setelah berunding dengan Ketua Polis Negara, menetapkan pakaian seragam bagi pegawai tersebut.”.

Pindaan seksyen 3A

4. Seksyen 3A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Pemberikuasaan kepada Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran, pegawai Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran, dsb.”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, apabila dibuat permohonan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran, memberi kuasa kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran itu untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas yang dikenakan oleh Akta ini ke atas Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran atau warden lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3B) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (3A) boleh mengehendkan kuasa yang akan diberikan kepada dan tugas yang akan dilaksanakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran itu.

(3C) Apabila dibuat pemberikuasaan di bawah subseksyen (3A), Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran itu boleh menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas yang dikenakan oleh Akta ini ke atas Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran atau warden lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan.”; dan

(c) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas takrif “Majlis Bandaraya” takrif yang berikut:

‘ “Majlis Perbandaran” ertinya Majlis Perbandaran bagi suatu kawasan pihak berkuasa tempatan yang telah diisytiharkan dan ditentukan mengikut perenggan 3(d) Akta Kerajaan Tempatan 1976, perenggan 6(1)(cc) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 dan perenggan 3(1)(e) Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996.’.

Penggantian seksyen 4

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa dan tugas Dato Bandar, Perbadanan Putrajaya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran, dsb.

4. Kuasa dan tugas Dato Bandar, Perbadanan Putrajaya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan warden lalu lintas di bawah Akta ini tidak boleh dijalankan di luar atau berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di luar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya atau di luar bidang kuasa Majlis Perbandaran, masing-masing.”.

Pindaan seksyen 17

6. Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda dengan menomborkan semula perenggan (bb) dan (bc) masing-masing sebagai perenggan (ba) dan (bb).

Pindaan seksyen 35

7. Seksyen 35 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dan (4), dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “boleh”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Akta ini” perkataan “atau seseorang yang dikenakan kompaun di bawah Akta ini dan telah membayar kompaun itu”; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (8) dan (8A).

Pindaan seksyen 35A

8. Seksyen 35A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “boleh”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “di bawahnya” perkataan “atau seseorang yang dikenakan kompaun di bawah Akta ini dan telah membayar kompaun itu”; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (6) dan (7).

Penggantian seksyen 37

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 37 dengan seksyen yang berikut:

“Penggantungan atau pembatalan lesen memandu

37. (1) Apabila penggantungan atau pembatalan lesen memandu dibuat di bawah seksyen 35 atau apabila pembatalan lesen memandu percubaan dibuat di bawah seksyen 35A, Ketua Pengarah hendaklah memberi orang yang berkenaan suatu notis secara bertulis memaklumkan orang itu mengenai penggantungan atau pembatalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah menghendaki orang itu menyerahkan lesen memandu dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(2) Apabila tamatnya tempoh penggantungan di bawah subseksyen 35(1), lesen memandu yang diserahkan balik kepada Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegangnya dan mata yang diberikan kepadanya, jika ada, hendaklah dibatalkan.

(3) Walau apa pun seksyen ini, apabila lesen memandu seseorang digantung atau dibatalkan di bawah seksyen 35 atau 35A, Ketua Pengarah boleh menolak atau menggantung apa-apa urusan atau transaksi yang terpakai bagi orang itu di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 52

10. Seksyen 52 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau warden lalu lintas” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan seksyen 53A

11. Subseksyen 53A(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “shall” dengan perkataan “may”.

Pindaan seksyen 65

12. Seksyen 65 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), (3), (5), (6) dan (7), dengan memasukkan selepas perkataan “Perbadanan Putrajaya” di mana-mana jua terdapat perkataan “, Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(ca) Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang warden lalu lintas atau mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran;”.

Pindaan seksyen 120

13. Subseksyen 120(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula perenggan (cc) sebagai perenggan (ca); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (ca) yang dinomborkan semula itu perenggan yang berikut:

“(cb) Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran atau pegawai Majlis Perbandaran yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran;”.

Pindaan seksyen 123

14. Seksyen 123 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “atau Perbadanan Putrajaya” dengan perkataan “, Perbadanan Putrajaya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 (“Akta 333”) bagi mengukuhkan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 333 dengan memperluas kuasa warden lalu lintas yang sedia ada yang diberikan kepada Datuk Bandar, pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya dan Perbadanan Putrajaya kepada pihak berkuasa tempatan khususnya kepada Majlis Perbandaran.

Rang Undang-Undang ini juga bertujuan menambah baik pelaksanaan dan keberkesanan sistem pemberian mata untuk mencegah pelakuan kesalahan lalu lintas tertentu dan untuk memastikan bahawa seseorang yang melakukan kesalahan lalu lintas tidak menjadi pesalah berulang.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 333 untuk memasukkan takrif baharu dan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan dalam Akta 333.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 333 untuk memasukkan peruntukan yang memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran kuasa untuk melantik sekian bilangan orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran itu sebagai warden lalu lintas.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3A Akta 333 untuk memasukkan subseksyen baharu (3A), (3B) dan (3C) ke dalam seksyen itu untuk memberi kuasa kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran untuk menjalankan dan melaksanakan kuasa dan tugas yang tertentu di bawah Akta 333.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 333 untuk memperuntukkan bahawa Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan warden lalu lintas hendaklah hanya menjalankan kuasa di bawah Akta 333 dalam bidang kuasa Majlis Perbandaran masing-masing.
7. *Fasal 7* dan *8* bertujuan untuk meminda seksyen 35 dan 35A Akta 333 masing-masingnya. Dengan pindaan ini, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan suatu sistem pemberian mata bukan sahaja berkenaan dengan seseorang yang telah melakukan kesalahan tertentu di bawah Akta 333 tetapi juga kepada mana-mana orang yang telah membayar kompaun di bawah kaedah-kaedah itu.
8. *Fasal 9* bertujuan untuk menggantikan seksyen 37 Akta 333 untuk mengadakan peruntukan mengenai tatacara bagi penggantungan atau pembatalan lesen memandu atau lesen memandu percubaan di bawah seksyen 35 atau 35A, mengikut mana-mana yang berkenaan.
9. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 52 Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bahawa warden lalu lintas tidak lagi bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan apabila kemalangan berlaku.
10. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 65 Akta 333 untuk memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran kuasa untuk mengalihkan kenderaan yang rosak dan yang ditinggalkan di jalan raya.
11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 120 Akta 333 untuk memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran atau pegawai Majlis Perbandaran kuasa yang khusus diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran untuk mengkompaun kesalahan tertentu di bawah Akta 333.
12. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 123 Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bahawa pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran yang tidak berpakaian seragam apabila menjalankan tugasnya hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan untuk mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan identitinya.

13. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2)3019]